

SOALAN NO. 26**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini proses persempadanan semula kawasan pilihan raya dan bilakah laporan akhir oleh Suruhanjaya Pilihan Raya akan dibentangkan di Dewan Rakyat.

57

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kini sedang disiapkan sebelum tamatnya tempoh dua tahun kajian tersebut pada 14 September 2018. Ini adalah selaras dengan Perkara 113(2)(iii), Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu akan dibincangkan setelah Laporan Akhir dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri dan dibentangkan di Dewan Rakyat. Ini adalah selaras dengan Seksyen 9 dan 10, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.